

PENGALAMAN 30 MINIT DI UDARA BERSAMA PESAWAT PEJUANG RAFALE

KUALA LUMPUR, April 10 (Bernama) -- Begitu ramai yang mengimpikan peluang untuk menaiki pesawat tempur tentera namun impian 'satu dalam sejuta' ini kemungkinan berkesudahan sebagai satu mimpi sahaja.

Namun, rezeki menyebelahi diri penulis tatkala terpilih untuk terbang bersama pesawat tempur Dassault Rafale, buatan Perancis, pada Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim 2013 (LIMA 2013), Langkawi baru-baru ini.

Peluang ini jarang ditawarkan kepada seorang wanita dan penulis menganggap ia satu peluang 'sungguh istimewa' dan sekali seumur hidup kerana tugas seharian penulis biasanya melibatkan liputan berita untuk sektor korporat dan ekonomi.

Merasakan ia amat bernilai, penulis ingin berkongsi pengalaman berlegar selama 30 minit di ruang udara Pulau Langkawi bersama pesawat Rafale yang dipandu oleh juruterbang Fabrice 'Tom' Valette.

PELUANG SEKALI SEUMUR HIDUP

Sehari sebelum berangkat ke Langkawi untuk membuat liputan LIMA2013, penulis menerima panggilan daripada pegawai perhubungan Rafale menyatakan bahawa penulis dipilih untuk menaiki pesawat berkenaan.

Menyedari bahawa peluang ini jarang sekali ditawarkan kepada orang awam dan lebih-lebih lagi apabila diberitahu bahawa penulis adalah wanita bukan tentera kedua di dunia yang menaiki Rafale, timbul dalam fikiran amat rugi jika dilepaskan peluang ini.

Kali pertama membuat liputan untuk LIMA, yang dianjurkan setiap dua tahun sekali sejak 1991, kehadiran penulis dan para media lain disambut dengan bunyi deruan kuat enjin dari jet-jet dan beberapa helikopter yang membuat persiapan terakhir sebelum pameran antarabangsa itu.

Bunyi bingit enjin itu juga menyebabkan terdetik rasa gentar di hati akan persediaan untuk menaiki pesawat pejuang Rafale yang boleh mencapai kelajuan

maksimum Mach 1.8 - 2,000 kilometer sejam atau dua kali kelajuan bunyi.

Pada 2011, pembaca berita RTM, Hanim Muhili, 32, menjadi wanita pertama diberi peluang menaiki pesawat itu.

Secara jujurnyanya sekalipun berasa sangat teruja dan gembira untuk mencuba peluang unik ini, namun pada malam sebelum hari penerbangan tersebut penulis sempat menulis status di laman Facebooknya, "Dalam hati, Tuhan sahaja yang tahu...".

PERSIAPAN MENTAL DAN FIZIKAL

Pada mulanya penulis menyangka hanya memerlukan persiapan yang ringkas sebelum menaiki pesawat, tetapi ternyata penumpang awam seperti beliau memerlukan masa selama tiga jam untuk mempersiapkan diri.

Ketika makan tengah hari bersama Valette, beliau menasihati agar tidak makan atau minum terlalu banyak kerana bimbang tekanan di dalam pesawat udara akan membuatkan penulis merasa tidak selesa dan muntah.

Selesai makan, penulis kemudian dibawa ke bilik persalinan yang turut ditemani oleh dua pembantu, ketika itu hati penulis tertanya-tanya adakah terlalu sukar memakai sut khas penerbangan itu sehingga memerlukan bantuan.

Ternyata memang benar jangkaan penulis, dua pasang pakaian bersaiz paling kecil, sesuai dengan tubuh penulis telah disediakan.

Lapisan pertama ialah pakaian dalam berwarna putih manakala yang kedua adalah sut tebal berwarna coklat muda dan akhir sekali penulis diberi jaket seberat lapan kilogram.

Kemudian, topi khas penerbangan yang dilengkapi corong oksigen serta peralatan keselamatan lain diberikan dan 10 minit sebelum ke lapangan penerbangan Valette memberi taklimat ringkas tentang keselamatan semasa penerbangan dan tindakan semasa penerbangan.

MENTERI JUNIOR

Ketika berjalan menuju ke lapangan penerbangan, penulis sempat disapa oleh Menteri Junior bagi Veteran di Kementerian Pertahanan Perancis, Kader Arif, yang telah menunggu di pintu masuk lapangan itu.

"Kami berharap anda menikmati penerbangan dengan Rafale, pesawat dari Perancis, yang juga pesawat yang terbaik di dunia," sambil menghulurkan salam.

Dassault Rafale, yang menjadi kebanggaan Perancis, adalah pesawat tempur pelbagai guna (MRCA) tunggal yang digunakan oleh tentera udara dan laut Perancis dan kini, turut menarik minat kerajaan India untuk memiliki teknologi yang sama.

Pada masa yang sama, Rafale International, syarikat gabungan Dassault Aviation, Snecma (Kumpulan Safran) dan Thales kini turut membida untuk menawarkan pesawat itu kepada Tentera Udara Diraja Malaysia untuk program penggantian pesawat pejuang MiG-29N.

30 MINIT DI UDARA LANGKAWI

Selepas menunggu giliran berlepas, Valette, yang mempunyai pengalaman menerbangkan pesawat melebihi 23 tahun atau 3,700 jam penerbangan mula menerbangkan Rafale dan penulis pula berada di tempat duduk belakang.

Kokpit pesawat tempur, yang memuatkan dua orang sahaja, begitu canggih dengan sistem radar yang mampu mengesan jarak kehadiran pesawat lain dalam lingkungan 100km radius serta beberapa butang yang mempunyai singkatan perkataan yang tidak dapat difahami penulis.

Pesawat ini juga boleh membawa misil sehingga 10 tan.

Ketika berada di landasan, Valette mula memberi arahan agar penulis menurunkan butang oren di peha kiri bagi persediaan berlepas, dan kurang daripada seminit pesawat kebanggaan Perancis itu laju meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Ketika berada di ruang udara Langkawi, pemandangan penulis terus tertumpu kepada keindahan pulau sumpahan Mahsuri yang memaparkan kejernihan air lautnya beserta keindahan pemandangan yang indah.

Keasyikan kemudian terhenti apabila Valette mula memberi arahan yang pesawat akan melakukan taktik penerbangan Daya-Graviti atau 'G-force', serta-merta riak muka penulis bertukar kerana membayangkan tekanan yang akan dialami.

'G-force' adalah daya yang bertindak ke atas badan akibat pecutan atau graviti yang biasa berlaku ketika pesawat meluncur laju naik ke udara dan tekanan yang dirasai bergantung kepada kelajuan pesawat.

Namun, ketakutan yang dibayangkan tadi meleset apabila sut khas yang dilengkapi oleh oksigen beserta alat yang menyokong tekanan di badan ternyata membantu ketika gerakan itu dilakukan.

PENGALAMAN PALING MANIS SEUMUR HIDUP

Sungguh mengagumkan apabila penulis dapat melihat pemandangan udara dengan kedudukan pesawat pada 180 darjah ke atas ketika teknik G-force dilakukan, sedikit tekanan abdomen dirasai namun keseronokan yang dialami melenyapkan segalanya.

Valette turut mempamerkan kehebatan pesawat itu apabila mampu menerbangkan Rafale serendah hampir mencecah permukaan air selama beberapa saat dan kemudian pesawat melakukan beberapa taktik gerakan manuver.

Tempoh masa 30 minit begitu singkat dirasai apabila Valette memberitahu bahawa pesawat akan mendarat semula dan penulis mula merasakan kedatangan kali ketiga beliau ke pulau sumpahan Mahsuri ini membawa kenangan paling indah.

Pengalaman bernilai ini adalah sesuatu yang paling bermakna dalam sejarah peribadi penulis dan secara tidak langsung peluang kedua yang diberikan Rafale adalah tanda kepercayaan kepada semangat keberanian golongan wanita di Malaysia.

-- BERNAMA

KEKUATAN JATI DIRI BANTU JEPUN UNTUK SEGERA BANGKIT

TOKYO, 16 April (Bernama) -- Negara matahari terbit, Jepun, tidak perlu lagi diperkenalkan kepada umum lantaran kecanggihan teknologi dan kekuatan ekonomi yang dimiliki menjadikan negara singa Asia ini antara kuasa besar dunia.

Walaupun pernah diuji dengan bencana tsunami pada 11 Mac, 2011, yang menggegarkan bahagian timur negara itu dengan gegaran sekuat 8.9 magnitud, serta pelbagai lagi bentuk malapetaka alam yang lain, ternyata kemusnahan fizikal yang dialami tidak pernah menggoyahkan semangat warga Jepun untuk terus bangkit semula.

Ini membuatkan timbul pertanyaan dari dalam hati penulis, dari mana kekuatan dan semangat ini diperoleh penduduk negara gugusan kepulauan itu yang sentiasa bersemangat untuk memastikan mereka sentiasa berada di barisan hadapan dalam hampir segenap bidang.

Diberi peluang melawat bandar Tokyo pada awal musim bunga pada pertengahan Mac lepas, sedikit sebanyak memberikan gambaran dan jawapan daripada persoalan tadi sekaligus membuktikan darah kepahlawanan generasi samurai ini masih deras mengalir dalam tubuh penduduk kota Nippon ini.

Berikut adalah catatan perjalanan ringkas penulis bersama sekumpulan media dari Asia Tenggara yang melawat Jepun atas jemputan khas Japan Tourism Agency.

TOKYO, BANDAR MODEN PENUH PERADABAN

Berada di ibu kota Tokyo, semestinya pemandangan seperti bangunan pencakar langit yang moden akan menjadi tarikan utama pelancong. Namun apa yang lebih menarik perhatian penulis ialah sekalipun berada dalam era kemodenan, peradaban budaya timur yang utuh masih lagi diamalkan masyarakat di sini.

Ternyata kemajuan yang dikecapi Jepun sedikit pun tidak mampu menghakis amalan timur penuh peradaban iaitu sikap hormat menghormati sesama mereka.

Ini terserlah apabila didikan akhlak untuk menghormati orang lain

dipraktikkan melalui notis awam yang menyuruh mereka meletakkan telefon bimbit masing-masing pada mod "senyap" semasa menaiki kenderaan awam seperti dalam tren atau kereta api.

Peradaban yang dimiliki juga menjadikan penduduk negara ini insan yang bertanggungjawab kepada alam dan persekitaran dan cinta terhadap kebersihan.

Ketika berada di Jepun, secebis sampah pun sukar ditemui di sini walaupun kemudahan tong sampah awam amat jarang disediakan kerana penduduknya akan membawa balik sampah mereka ke rumah masing-masing.

Malahan amalan mengasingkan sampah untuk dikitar semula juga aktif dipraktikkan dan sekaligus membantu Tokyo kekal bersih sekalipun mempunyai kepadatan penduduk yang agak tinggi.

Kekaguman juga semakin bertambah setelah menyaksikan sendiri bagaimana para pemandu di sini amat mematuhi peraturan jalan raya dan sentiasa menjaga jarak di antara kenderaan masing-masing.

Malah mereka turut menutup enjin dan lampu setiap kali berhenti di lampu isyarat.

BELAJAR DARIPADA NIPPON

Maka sewajarnya contoh yang baik seperti dari negara timur ini diikuti dan yang pastinya turut memberi manfaat bersama sebagaimana mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad yang telah memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur.

Dasar yang diumumkan pada 1982 adalah usaha kerajaan untuk mengambil contoh dan teladan yang terbaik dari negara Asia yang membangun iaitu Jepun dan Korea dengan mengubahsuaikannya mengikut keadaan di Malaysia secara tidak langsung membantu meningkatkan kemajuan negara Malaysia.

Dalam bidang pendidikan di Jepun terutama dalam beberapa bidang ilmu seperti teknologi dan kejuruteraan juga berjaya menarik ribuan pelajar dari seluruh dunia untuk datang belajar di sini.

Kemajuan dalam industri penghasilan komik dan permainan video turut menarik

ramai pelajar asing untuk mendalami bidang ini yang adalah satu cabang ilmu yang hanya dianggap sebagai hobi kanak-kanak bagi sesetengah ibu bapa di Malaysia.

Seorang pelajar dari Indonesia yang ditemui penulis, Even Limba, 28, berkata kedatangannya ke Jepun untuk mempelajari kejuruteraan mekanikal dan robotik di Tokyo Design Technology Centre, Shibuya, Tokyo.

Beliau memilih untuk belajar di sini kerana pusat pengajian berkenaan turut bekerjasama dengan syarikat-syarikat ternama dalam pelbagai jenis projek.

"Ini memberi peluang kepada para pelajar di sini untuk terlibat secara langsung dalam industri dan medan pekerjaan sebenar dan tidak hanya tertumpu dengan silibus pengajian dalam kuliah," beliau berkata.

TULISAN KANJI WAJIB DIPELAJARI

Ketinggian ilmu dan kemantapan ekonomi yang dimiliki oleh Jepun membuatkan negara ini tidak terlalu bergantung kepada negara luar, sebaliknya kebanyakan negara luar yang ingin belajar daripada kemajuan mereka perlu menguasai terlebih dahulu bahasa Jepun.

Even Limba, seperti rakan pelajar asing lain juga perlu terlebih dahulu menuntut di kolej yang menawarkan pengajian bahasa Jepun bagi mempelajari bahasa dan tulisan kanji sebelum dapat meneruskan pengajian mereka dalam bidang yang lain.

Ini berlaku lantaran hampir keseluruhan nota mereka ditulis dalam tulisan kanji namun demi ingin mendalami ketinggian ilmu dari negara ini memaksa para pelajar asing mempelajari bahasa itu terlebih dahulu sebelum mampu menyerap ilmu pengetahuan yang lain.

Tempoh pengajian sekitar dua tahun biasanya diambil oleh para pelajar untuk menguasai bahasa ini dan menariknya bahasa Jepun turut mempengaruhi tatacara mereka ketika bercakap.

Melalui pemerhatian penulis, pelajar asing dari pelbagai warna kulit ini bukan sahaja fasih berbahasa Jepun, namun pergerakan bibir dan gerak badan

mereka juga hampir menyerupai orang Jepun.

Tambah menariknya, fesyen para pelajar asing ini pun sedikit dipengaruhi dengan trend golongan muda-mudi Jepun yang penuh warna-warni dan comel.

SEDIA TERIMA PELANCONG

Jelas, tsunami yang melanda negara ini pada dua tahun lepas tidak mampu menggugat Jepun malah ia kini sedia menerima tetamu luar terutama pelancong bagi merencanakan kembali pertumbuhan industri pelancongan mereka.

Di bawah seliaan Japan Tourism Agency dan Japan National Tourism Organisation, negara itu telah menyasarkan untuk menerima seramai 10 juta pelancong pada tahun ini, melalui kempen yang dijalankan di seluruh dunia.

Malahan sejak 2011, negara ini mencatatkan pertumbuhan menaik dari segi jumlah kedatangan 6.2 juta dan 8.4 juta pelancong masing-masing pada 2011 dan 2012.

Ini memberi gambaran positif kepada Jepun yang kini telah hampir pulih sepenuhnya daripada tragedi gegaran terbabit dan melalui lawatan singkat ke negara ini, penulis mendapati Jepun mempunyai banyak destinasi menarik untuk dikunjungi.

Tidak rugi sekiranya kita merancang untuk melancong ke negara ini, sekalipun memerlukan perbelanjaan yang agak mahal, namun meminjam kata-kata sahabat penulis, "perbelanjaan untuk melancong tidak akan membuatkan kita miskin, bahkan bertambah kaya dengan pengalaman,".

Kunjungan ke Jepun pada kali ini jelas memberi pengajaran kepada penulis bahawa kemajuan dan kehebatan yang dimiliki hanya akan dapat kekal sekiranya kesinambungan amalan positif terus dipraktikkan.

Malahan, kekuatan untuk mempertahankan budaya bangsa inilah yang akan menjadi kebanggaan dan simbol kepada kekuatan sesebuah negara.

-- BERNAMA

PESAWAT TEMPUR RAFALE SIMBOLIK KEKUATAAN TENTERA PERANCIS

PARIS, 2 Julai (Bernama) -- Rafale, pesawat tempur pelbagai peranan combat kebanggaan Perancis, adalah simbolik kepada kekuatan ketenteraan dan keunggulan dalam teknologi pertahanan negara berkenaan.

Dihasilkan oleh Dassault Aviation, yang ditubuhkan pada 1949, keupayaan pesawat tempur yang sofistikated ini telah terbukti semasa penempatan tentera negara itu di Afghanistan, Libya dan Mali.

Rafale kini antara pesawat pejuang yang terlibat dalam pembidaan program penggantian pesawat MiG-29N yang hampir tamat perkhidmatannya dalam Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Pada 1995, TUDM telah membeli sejumlah 18 unit MiG-29N, namun sebuah daripada pesawat pejuang buatan Rusia itu terhempas di Kuantan pada 1998.

Rafale kini dioperasikan oleh tentera udara dan laut Perancis dan pihak Dassault menjangkakan teknologi yang dimiliki oleh pesawat berkenaan mampu memastikan kelangsungan sistem pertahanan udara yang mantap sehingga 40 tahun akan datang.

Pesawat yang boleh mencapai sehingga dua kali kelajuan bunyi itu bukan sahaja memantapkan pertahanan udara, malah ia memacu perkembangan industri lain dan menjadi antara penyumbang utama pertumbuhan keluaran dalam negara kasar negara itu.

Wartawan Bernama baru-baru ini berpeluang melawat beberapa lokasi penting untuk rekabentuk, pemasangan, pengendalian dan operasi pesawat tempur, Rafale.

Catatan ini juga adalah lawatan eksklusif bersempena sambutan jubli emas Pameran Udara Antarabangsa Paris, Le Bourget yang berlangsung dari 17-23 Jun lepas.

PENGGUNAAN TEKNOLOGI TERCANGGIH

Lawatan bermula di ibu pejabat Dassault Aviation di Saint Cloud yang

terletak 2 km dari ibukota Paris dan adalah tempat bermulanya proses pembinaan pesawat berkenaan.

Menariknya, pembinaan Rafale tidak melibatkan lakaran secara fizikal, sebaliknya menggunakan lakaran digital maya secara tiga dimensi (3D) sepenuhnya menerusi perisian Catia.

Dibangunkan oleh Dassault Systemes, perisian Catia atau "Computer Aided Three-dimensional Interactive Application" adalah perisian 3D yang mempunyai keupayaan untuk berkongsi maklumat dan perkembangan pembinaan pesawat dengan pihak berkepentingan yang lain.

Menurut pengurus program kejuruteraan Dassault Aviation, Jerome Camps, teknologi pembuatan secara digital maya ini adalah yang pertama seumpamanya di dunia dan telah membantu syarikat berkenaan menjimatkan kos pembuatannya kerana tidak memerlukan pembinaan prototaip atau mock-up secara fizikal.

"Teknologi maya 3D ini secara langsung telah membantu kami dalam proses merekabentuk, dokumentasi, servis, membuat alat ganti dan perkilangan secara serentak, dan kami tidak perlu membina prototaip yang sama secara fizikal berulang kali.

"Sebelum pesawat Rafale dibina, perisian ini membantu untuk mengenalpasti kecacatan dan ketidaksempurnaan dalam proses pembinaan pesawat apabila ia dapat diuji terus secara maya," ujar Camps.

"Dengan penggunaan kaedah lakaran digital maya seperti ini, Dassault berjaya membina Rafale dalam lingkungan peruntukan yang disediakan tanpa kos tambahan dan ini adalah kejayaan besar bagi kami," tambah beliau.

Selain Rafale, Dassault juga membina jet komersial peribadi seperti model Falcon, yang turut menggunakan perisian yang sama.

Di lokasi yang sama, kami kemudian dibawa ke "Immersive Reality Centre," yang digunakan oleh syarikat berkenaan untuk mempamerkan lakaran digital maya sesebuah pesawat secara lebih terperinci.

Di sini, pelanggan diberi peluang melihat sendiri rekabentuk lakaran maya luaran dan dalaman yang diinginkan termasuk ukuran, warna dan lain-lain sebelum pesawat sebenar dihasilkan.

Selain itu, Dassault juga mengaplikasi sistem e-Squadron untuk penyelenggaraan atas talian dan mempunyai sistem Opera Touch untuk kegunaan juruterbang merancang operasi penerangan berasaskan pemetaan digital.

PEMASANGAN AKHIR RAFALE

Penerbangan dari Paris ke Bordeaux yang memakan masa kira-kira sejam 15 minit bagi melihat pemasangan akhir Rafale di kilang Dassault Aviation yang terletak di Merignac.

Pembinaan Rafale melibatkan pemasangan beberapa komponen yang dibuat di kilang yang berlainan di sekitar Perancis.

Pemasangan akhir Rafale mengambil masa kira-kira enam bulan dan kilang ini mampu memasang kira-kira 10 buah pesawat pelbagai guna itu dalam masa setahun.

Selepas siap pemasangan, Rafale akan turut menjalani "ground test" selama dua minggu di kilang ini, dan dalam tempoh itu ujian sistem avionik iaitu alat yang berhubungan dengan sistem navigasi, komunikasi dan persenjataan dalam pesawat tempur dijalankan selama seminggu.

Selain pemasangan, kilang ini digunakan bagi proses percubaan dan pemeriksaan terakhir pesawat oleh juruterbang bagi memastikan ia benar-benar selamat sebelum diserahkan kepada pelanggan.

SEJARAH KILANG PEMASANGAN DASSAULT

Kilang pemasangan ini telah beroperasi sejak 1949 dengan kapasiti pengeluaran pertama iaitu tiga buah pesawat model Flamant dalam masa sebulan.

Pembeli asing Dassault yang pertama ialah India iaitu pada 1953 dengan pembelian model Ouragan dan negara tersebut kini memiliki lima model pesawat keluaran dari syarikat Perancis ini.

Dengan keluasan sekitar 132,000 meter persegi dan 1,300 pekerja,

kilang ini juga beroperasi bagi mengeluarkan model Falcon selain dari Rafale.

Kini dengan kemajuan yang dimiliki oleh Dassault, kilang ini mampu menghasilkan 70 buah pesawat setahun untuk model Rafale dan Falcon.

Proses pemasangan sehingga penghantaran Rafale biasanya memakan masa selama enam bulan sementara Falcon sekitar tiga bulan setengah.

PUSAT PENGKALAN TENTERA UDARA PERANCIS

Kem tentera udara Perancis, yang terletak di Saint Dizier, kini memiliki 47 buah pesawat Rafale yang dioperasikan sejak 2006.

"Sejak kejadian 11 Sept, persediaan untuk menerbangkan Rafale dipercepatkan dengan hanya memakan masa selama dua minit berbanding sebelumnya iaitu tujuh hingga 15 minit," kata Leftenan Kolonel Nicolas Lyaufey.

Lyaufey kini bertugas sebagai ketua operasi udara di satu daripada skuadron kem tentera udara berkenaan.

Beliau yang mempunyai pengalaman menerbangkan Rafale selama 1,000 jam berkata, kehebatan pesawat ini dirasai sendiri oleh beliau ketika terlibat dalam misi konflik di Mali.

Menceritakan pengalaman di Mali, Lyaufey berkata 60 peratus operasi pesawat Rafale dijalankan pada waktu malam.

"Rafale berkeupayaan menyasarkan enam peluru pada satu-satu masa dengan tepat," kata beliau sambil menambah kata bahawa misi di Mali mencapai 97 peratus kejayaan.

"Kami telah menempatkan enam buah pesawat Rafale di Mali dan menggugurkan lebih 80 butir bom menggunakan pesawat berkenaan," tambah beliau.

KEHEBATAN YANG TELAH TERBUKTI

Rafale, seperti juga pesawat pejuang dari syarikat terkemuka yang lain

mempunyai kelebihan tersendiri dalam membida kontrak program penukaran pesawat MiG 29N.

Namun, apa yang membuatkan produk Dassault Aviation ini berbeza dengan pesaingnya yang lain ialah kehebatan pesawat pejuang berstatus omnirole ini sudah terbukti di medan peperangan berbanding pesawat dari syarikat lain yang masih di tahap prototaip.

Penggunaan omnirole oleh kerajaan Perancis untuk pesawat Rafale bertujuan untuk menggambarkan keupayaannya sebagai pesawat tempur udara ke udara, serangan udara ke permukaan, serangan udara ke laut, peninjauan dan menangkis serangan nuklear.

Namun adakah Rafale dapat memenuhi keperluan pertahanan Malaysia dan berbaloikah untuk melabur bagi pesawat jenis ini? Ini adalah sesuatu yang akan dipertimbang oleh RAMD dan Rafale sudah tentu menjadi satu daripada pilihan untuk dipertimbangkan.

-- BERNAMA

STANDARDS MALAYSIA MAHU LEBIH RAMAI IKS PATUHI KEPERLUAN MALAYSIAN STANDARDS

CYBERJAYA, 3 Sept (Bernama) -- Jabatan Standards Malaysia (Standards Malaysia) mahu lebih banyak usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) mematuhi keperluan Malaysian Standards (MS) bagi memastikan produk mereka mampu bersaing di pasaran terbuka.

Menerusi Program Pematuhan Standard Nasional yang bakal dilancarkan pada Oktober ini, Standard Malaysia berhasrat untuk memastikan kualiti produk tempatan bukan sahaja ditingkatkan tetapi juga kebolehan dan produktiviti industri tersebut dimantapkan lagi.

Ketua Pengarahnya Fadilah Baharin berkata tujuan setiap IKS mempunyai MS bagi setiap produk yang dikeluarkan adalah juga untuk memastikan produk keluaran tempatan mampu mempunyai nilai tambah berbanding produk lain dari luar negara.

"Untuk fasa pertama (2013-2014) bagi program tersebut kami akan bekerjasama dengan SME Corp Malaysia untuk berhubung secara terus dengan pengusaha IKS," katanya sambil menambah jabatan itu berhasrat untuk mengembangkan program tersebut ke agensi-agensi lain pada masa hadapan.

Beliau berkata sejak penubuhan Standards Malaysia 17 tahun lalu, agensi itu telah membangunkan lebih daripada 6,300 MS bagi memenuhi permintaan daripada 24 buah industri teras serta menawarkan penyelesaian global yang pragmatik.

"Namun dari jumlah tersebut, hanya syarikat besar dan yang berstatus multinasional sahaja mematuhi standard ini, manakala tidak sampai 50 peratus pematuhan MS ini digunakan dalam kalangan peserta industri IKS tempatan," katanya kepada Bernama.

Melihat kurangnya kesedaran terhadap keperluan untuk setiap produk dan perkhidmatan di negara untuk memenuhi keperluan MS ini, Fadilah berkata Standards Malaysia kini bergerak secara agresif membantu pengusaha IKS mencapai standard ini.

"Melalui MS juga, hak pengguna juga dipelihara kerana selain daripada

membeli barangan dengan harga yang berpatutan mereka juga akan memiliki barang yang mempunyai standard dan kualiti," katanya.

Menurut beliau, agensi itu turut bekerjasama dengan kementerian lain untuk memastikan barangan import yang digunakan dalam semua projek kerajaan turut mematuhi keperluan MS.

"Ini secara langsung mampu mencegah Malaysia daripada menjadi mangsa aktiviti lambakan barangan tidak berkualiti dari negeri China dan lain-lain," katanya.

Fadilah berkata sudah tiba masanya bagi setiap IKS memenuhi keperluan MS untuk membantu mereka untuk bersaing mengembangkan pasaran mereka ke luar negara secara kompetitif.

Buat masa ini katanya, pematuhan MS lebih berkembang dalam kalangan industri IKS yang mengeluarkan makanan yang memerlukan percetakan tarikh luput dan logo halal yang standard pada produk mereka.

"Namun industri seperti pakaian dan barangan keperluan lain kurang berminat untuk mematuhi keperluan SM kerana tiada keperluan dari segi penguatkuasaan," tambahnya.

Standard Malaysia ditubuhkan pada Ogos 1996, merupakan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang memberi keyakinan kepada pelbagai pihak berkepentingan dengan menawarkan perkhidmatan standardisasi dan akreditasi untuk bersaing secara global.

-- BERNAMA